

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI
BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perkembangan rundingan membabitkan Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) antara Negara Malaysia dan China bagi memudah cara pergerakan rentas sempadan bagi tujuan perniagaan dan lawatan rasmi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman semua ahli Dewan yang mulia ini, pada September yang lalu, Kementerian Luar Negeri telah memulakan perbincangan dengan Kementerian dan Agensi yang berkaitan bagi menimbang dan menilai cadangan mewujudkan *Reciprocal Green Lane* (RGL) dengan negara China.

3. Mesyuarat tersebut secara dasarnya bersetuju untuk mewujudkan RGL dengan China, namun berpandangan bahawa ianya akan hanya dilaksanakan apabila keadaan telah mengizinkan berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

4. Sehubungan dengan itu, usaha kini sedang dibuat bagi memuktamadkan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi apabila RGL dengan China dilaksanakan. Antara perkara yang sedang diperhalusi adalah tempoh kuarantin, kumpulan sasaran, jenis ujian COVID-19 yang perlu diambil, pintu-pintu masuk yang akan dibuka dan proses pemantauan yang akan dilaksanakan.

5. Sebaik sahaja garis panduan dan SOP ini telah ditetapkan, maka Kerajaan akan memulakan rundingan dengan Kerajaan China bagi memuktamadkannya berdasarkan kepada prinsip timbal balas. Apabila kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan, pelaksanaannya pula akan bergantung kepada kesiapsiagaan semua agensi pelaksana di kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sebagai makluman, cadangan mewujudkan RGL antara Malaysia dan China turut telah dibincangkan semasa lawatan rasmi Penasihat Negara merangkap Menteri Luar Negeri China, TYT Wang Yi ke Malaysia pada 12–13 Oktober 2020 baru-baru ini. Secara dasarnya, kedua-dua negara telah bersetuju untuk melaksanakan RGL ini apabila keadaan mengizinkan.

7. Izinkan saya tekankan di sini bahawa Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah berhati-hati dalam melaksanakan RGL ini bagi memastikan kesihatan dan keselamatan orang awam sentiasa terpelihara serta dilindungi.

Sekian, terima kasih.